



# INSTITUT PERTANIAN SARAWAK



**MENAWARKAN KURSUS DUA (2) TAHUN :**  
**1. SIJIL PERTANIAN**  
**2. SIJIL AKUAKULTUR**



## PENGENALAN

**D**itubuhkan pada tahun 1983, Institut Pertanian Sarawak adalah sebuah Institusi Latihan Jabatan Pertanian Sarawak yang kompeten dan berpengalaman luas dalam bidang latihan, khususnya dalam pengeluaran modal insan untuk sektor pertanian.

Institut ini menawarkan latihan teknikal dan berkualiti dalam pelbagai aspek pertanian, meliputi bidang pengurusan dan teknologi pengeluaran tanaman, memproses hasil pertanian, ternakan, akuakultur, perladangan, mekanisasi ladang dan landskap.

### MATLAMAT INSTITUT PERTANIAN

- Mengeluarkan tenaga mahir dalam bidang pertanian dan akuakultur bagi memenuhi tenaga kerja dalam sektor kerajaan dan swasta.
- Memberi latihan kemahiran dan pengkhususan untuk mewujudkan bakal usahawan pertanian dan akuakultur.
- Membantu mempercepatkan transformasi sektor pertanian.

### KURSUS YANG DITAWARKAN

1. Kursus Sijil Pertanian Malaysia yang telah diiktirafkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.
2. Kursus Sijil Akuakultur (Kursus Baru) dalam proses mendapat pengiktirafan Jabatan Perkhidmatan Awam.

### JANGKAMASA KURSUS

Kedua-dua kursus ini mengambil masa selama dua tahun (empat semester). Setiap sesi tahun pengajian mengandungi dua semester dan setiap semester terdiri daripada 20 minggu pengajian dan dijalankan secara sepenuh masa.



Kursus Sijil Pertanian merangkumi 70 jam kredit untuk layak dianugerahkan Sijil Pertanian

Sijil Akuakultur merangkumi 68 jam kredit untuk layak dianugerahkan Sijil Akuakultur.

### STRUKTUR PENGAJIAN

Untuk mencapai matlamat Institut Pertanian, sukanan pelajaran disediakan mengikut kumpulan mata pelajaran berikut :

- Mata pelajaran wajib meliputi matapelajaran asas dan kemahiran
- Kursus Sijil Pertanian terdiri dari enam (6) bidang mata pelajaran pengkhususan manakala
- Kursus Sijil Akuakultur terdiri dari lima (5) bidang mata pelajaran pengkhususan.
- Pelajar hanya dibenarkan memilih salah satu daripada bidang yang ditawarkan.

Semua pelajar wajib mengikuti Latihan Industri (LI) selama lapan (8) minggu pada akhir Semester IV. Latihan ini diadakan samada di sektor swasta atau kerajaan.





## MATA PELAJARAN KURSUS SIJIL PERTANIAN

### TAHUN 1

Semester I	Semester II
• English I	• English II
• Pendidikan Islam I / Pendidikan Moral I	• Pendidikan Islam II / Pendidikan Moral II
• Pengurusan Tanah	• Hortikultur Hiasan
• Perlindungan Tanaman	• Asas Sains Makanan
• Pengurusan Tanaman Sayuran dan Singkat Masa	• Pengurusan Tanaman Buah-buahan
• Pengurusan Tanaman Perladangan	• Pengurusan Ternakan I
• Kejuruteraan Pertanian I	• Kejuruteraan Pertanian II • Komputer I

### TAHUN 2

Semester III	Semester IV
• English III	• English IV
• Tamadun Islam I	• Tamadun Islam II
• Pemasaran	• Pengurusan Am
• Pengembangan Pertanian I	• Perniagaan Tani II
• Komputer II	• Pengembangan Pertanian II
• Perniagaan Tani I	• Pengkhususan
• Pengkhususan	o Landskap II
o Landskap I	o Pengurusan Estet II
o Pengurusan Estet I	o Pengurusan Ternakan III
o Pengurusan Ternakan II	o Teknologi Memproses Hasil Pertanian II
o Teknologi Memproses Hasil Pertanian I	o Teknologi Pengeluaran Tanaman Makanan II
o Teknologi Pengeluaran Tanaman Makanan I	o Mekanisasi Ladang II
o Mekanisasi Ladang I	• Latihan Industri (LI)

## MATA PELAJARAN KURSUS SIJIL AKUAKULTUR

### TAHUN 1

Semester I	Semester II
• English I	• English II
• Pendidikan Islam I / Pendidikan Moral I	• Pendidikan Islam II / Pendidikan Moral II
• Biologi Ikan	• Komputer II
• Akuakultur Asas	• Pengurusan Am
• Limnologi Asas	• Kejuruteraan Ladang I
• Pemakanan Ikan I	• Kesihatan Dan Penyakit Ikan
• Perniagaan Tani	• Teknologi Kultur Ikan
• Komputer I	• Pemakanan Ikan II
• Keselamatan Di Tempat Kerja	• Pengurusan Am
• Renang & Keselamatan Air	• Ladang Kongsi

### TAHUN 2

Semester III	Semester IV
• Tamadun Islam I	• Tamadun Islam II
• Sistem Ternakan I	• Pengkhususan
• Teknologi Pembiakan I	o Sistem Ternakan II
• Teknologi Lepas Tuai	o Teknologi Pembiakan II
• Pengurusan Ladang Ikan	o Ikan Hiasan
• Pengurusan Kualiti Air	o Mekanisasi Akuakultur
• Teknik Penyelidikan	o Pemprosesan Hiliran
• Kejuruteraan Ladang II	• Latihan Industri (LI)
• Pemasaran	
• Pengembangan	
• Ladang Kongsi	

## PEMBIAYAAN KOS PENGAJIAN

Kos pengajian dibayai sepenuhnya oleh Jabatan Pertanian Sarawak

## PROSPEK KERJAYA

Graduan Institut Pertanian boleh memilih untuk bekerja, samada di sektor awam atau swasta atau menjadi usahawan pertanian atau akuakultur. Golongan ini juga berpeluang untuk menyambung pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Swasta.

## PERMOHONAN DAN PENGAMBILAN

Pengambilan dibuat berdasarkan syarat-syarat kelayakan berikut :

- Warganegara Malaysia berumur di antara 17 hingga 25 tahun pada masa kursus bermula.
- Berkelulusan SPM atau SPVM atau yang setaraf dengannya dan mempunyai kelayakan yang diperolehi dalam peperiksaan seperti

berikut :

- Lulus dalam Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) dan
- Lulus dalam Bahasa Inggeris dan
- Lulus dalam matapelajaran Matematik dari
- Kepujian dalam salah satu mata pelajaran iaitu Sains Pertanian, Sains, Geografi, Perdagangan, Prinsip Akaun, Ekonomi Asas, Kejenteraan Ladang, Pengurusan Ladang, Fizik, Kimia, Biologi, Sains Tambahan, Prinsip Perniagaan, Asas Perakuanan, Perniagaan dan Keusahawanan, Matematik Tambahan, Pengajian Kejuruteraan Mekanikal, Pengajian Kejuruteraan Awam, Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Pengeluaran Tanaman, Pengeluaran Ternakan, Hortikultur Hiasan dan Landskap, Ekonomi Rumah tangga, Teknologi Bengkel Mesin, Kerja Menggegas dan Memesin, Teknologi Binaan Bangunan, Kerja Kayu dan Bata, Teknologi Kimpalan dan Fabrikasi Logam, Kerja Kimpalan, Teknologi Automotif, Menservis dan Membaliki Kenderaan, Asas Pemprosesan Maklumat, Teknologi Katering, Penyediaan dan Perkhidmatan Makanan, Pengajian Agroteknologi, Teknologi Kejuruteraan, Teknologi Maklumat, Pengurusan Makanan, Katering dan Penyajian, Landskap dan Nurseri, Tanaman Makanan, Teknologi Bakeri dan Konfeksioneri, Membuat Roti dan Patisserie dari
- Berjaya dalam temuduga yang dijalankan dan
- Belum berkahwin.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi :

PENGETUA,  
Institut Pertanian Sarawak,  
KM 20 Jln. Kuching/ Serian, Semongok,  
93250 Kuching.  
Tel : 082-611341/2/3 Fax : 082-611662  
atau layari : [www.doa.sarawak.gov.my](http://www.doa.sarawak.gov.my)

